

04/10/2003

Tan Sri Harun Hashim setaraf Lord Denning

Syed Iskandar Syed Jaafar

JAM 3.30 pagi, 30 September lalu mencatat sejarah bagi kita dengan kembalinya ke rahmatullah Tan Sri Harun Hashim, hakim yang dianggap sebagai Lord Denning di kalangan pengamal undang-undang secara keseluruhannya.

Sekiranya Lord Denning di United Kingdom sentiasa dikaitkan dengan pelbagai penghakiman yang dianggap pelik dan kontroversi tetapi bernas, kita di Malaysia mempunyai seorang cendekiawan yang sentiasa cuba mempertahankan kedaulatan undang-undang serta keluhuran perlembagaan selain memberikan penghakiman pada tahap setaraf Lord Denning yang amat sukar untuk ditandingi oleh banyak hakim di negara ini, kecuali beberapa nama yang sezaman dengan Allahyarham Harun.

Allahyarham mula dikenali di seluruh dunia apabila mengharamkan Umno pada 1988. Tentunya kita semua masih lagi ingat temu bual ringkas dan reaksi awal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam selepas penghakiman itu.

Sebagai hakim, Harun dianggap berani kerana telah membuat keputusan yang demikian, namun kepintaran Dr Mahathir dalam mengendalikan krisis itu pula yang nampak terserlah akhirnya. Ketika itu tiada lagi kegugupan, hanya keyakinan wujud jelas pada wajah Presiden Umno itu.

Apabila Umno diharamkan, asetnya tidak dapat disentuh oleh sesiapaupun walaupun pihak yang memenangi kes itu. Dr Mahathir dengan strateginya tersendiri berjaya mengumpulkan semula majoriti ahli parti untuk memperoleh hak mengawal semula aset Umno dengan meninggalkan kalangan yang mencetuskan masalah itu jauh di belakang sehingga mereka sudah tidak dapat mengejar lagi. Begitulah hebatnya Dr Mahathir menangani kemelut politik tanah air ketika itu.

Pokoknya di sini, walaupun pada asalnya Harun mungkin tidak disenangi ramai ahli Umno, penghakiman beliau sebenarnya memulakan episod baru dalam mengembalikan kekuatan dan kestabilan Umno.

Namun sehingga ke hari ini masih ada yang belum dapat memahami kebijaksanaan penghakiman Harun dalam membantu ke arah mewujudkan kestabilan pada amnya.

Sebagaimana kita tidak mungkin dapat mencari ganti Tan Sri P Ramlee walaupun 1,000 tahun lagi, begitu juga Allahyarham Harun - hakikat ini perlu kita terima suka atau tidak.

Nama Harun Hashim akan kekal dalam sejarah tanah air kita - cuma sama-samalah kita berbuat sesuatu dengan cara masing-masing untuk mengenang dan menghargai sumbangan dan khidmat beliau. Semoga roh beliau dicucuri rahmat.

Jasa serta sumbangan Harun yang sanggup mencurah bakti di Kuliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa sehingga akhir hayat beliau tetap disanjung, dihargai dan semoga kekal dalam sejarah.

SYED ISKANDAR SYED JAAFAR,
Kuala Lumpur.